



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	8/6/2018	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN			

UMT aktif Sambut Hari Laut Sedunia

HARI Lautan Sedunia atau World Oceans Day (WOD) disambut pada 8hb. Jun, setiap tahun oleh United Nations (UN) secara rasmi pada akhir tahun 2008 hasil dari usul negara Kanada dalam Earth Summit 1992 di Rio de Janeiro, Brazil. Ianya diletakkan di bawah kelolaan The Ocean Project (yang telah mempromosikan WOD sejak 2002) dan The World Ocean Network serta mendapat sokongan dari banyak negara serta berjalan dengan lancar.

Bertepatan dengan universiti berfokuskan ilmu kelautan serta sumber akuatik, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyokong padu program 'World Oceans Week' (WOW) yang diadakan sempena WOD. Program WOD merupakan aktiviti kesedaran mengenai kepentingan laut peringkat global kepada masyarakat. Program ini diadakan di UMT serta beberapa tempat dan kemuncaknya adalah di Uptown Kontena (UK) Dapo Pata, Pantai Tok Jembal Kuala Nerus.

Objektif Program

Objektif utama WOW bukan sahaja untuk mendidik dan memberi pendedahan kepada

masyarakat tentang kepentingan menjaga dan memelihara serta menghargai sumbangan laut, malah memberi peluang kepada masyarakat untuk terlibat secara langsung bersama UMT dalam melindungi alam sekitar. Juga menyemai semangat untuk bersama-sama memulihara dan melindungi biodiversiti marin serta mempromosikan bidang nie UMT iaitu sains marin dan sumber akuatik seterusnya meletakkan UMT sebagai universiti peneraju dalam bidang kelautan.

Mempromosikan UMT

Menurut Profesor Datuk Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT, pendekatan sedemikian secara tidak langsung dapat mempromosikan UMT sebagai pusat kecemerlangan dan pembelajaran berfokuskan marin yang terunggul di negara ini. Usaha murni ini juga diharap mampu menjadi medium pemindahan ilmu dengan menyampaikan maklumat kepada para pelajar dan komuniti untuk memulihara dan melindungi biodiversiti marin.



NOR AIENI MOKHTAR

Keputusan Biodiversiti Marin

Secara tidak sedar peranan laut begitu besar dan menakutkan sebagai pemampas. Ia memampas haba, gas rumah hijau, karbon dioksida dan bahan cemar untuk mengimbangkan iklim bumi seterusnya melindungi manusia daripada perubahan mendadak kenaikan suhu bumi akibat proses pemanasan. Pencemaran di laut tidak dapat disempadankan.

Kesan buruknya sedang berlaku secara global dengan pesat namun tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Malangnya kebutaan ini menyebabkan manusia kian angkuh dengan pelbagai aktiviti yang terus-menerus memusnahkan laut.

Atas sokongan dan kesedaran terhadap kepentingan biodiversiti marin yang semakin terancam, UMT menentang tema *Clean Our Ocean* bagi mengadakan program Kempen Kesedaran Kelestarian laut bersempena sambutan WOW 2018 dengan penglibatan seramai kira-kira 600 pelajar UMT, staf dan komuniti setempat.



NAIB Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar (tengah) bergambar bersama peserta-peserta yang menyertai dalam pertandingan Bicara Berirama UMT 2018 di Kuala Nerus, Terengganu baru-baru ini.